

PROGRAM PEMATUHAN CUKAI TAHUN 2024 FASA 1: PULAU PINANG

Pulau Pinang, 05 April 2024 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah melaksanakan Program Pematuhan Cukai Tahun 2024 Fasa 1 yang berfokus kepada industri makanan dan minuman. Program pematuhan tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL bertempat di Menara Hasil Pulau Pinang.

Program ini bertujuan untuk memperkasakan aktiviti pematuhan yang memberikan impak kepada pembayar cukai yang tegar, memperkasakan aktiviti audit cukai di samping memberi khidmat nasihat percukaian kepada pembayar cukai.

Program ini juga melibatkan seramai 668 pegawai daripada Seksyen Audit Cukai di seluruh Malaysia yang dijalankan secara serentak. Program ini merangkumi lawatan pematuhan audit cukai, audit majikan, serahan tangan Notis Akhir (*Final Notice*) kepada pembayar cukai dan pendekatan *Behavioural Insights* melalui aktiviti *nudging*.

HASiL akan terus meningkatkan aktiviti pematuhan secara berterusan termasuk mengambil tindakan pendakwaan ke atas pembayar cukai yang gagal melaporkan pendapatan yang sepatutnya dan melanggar undang-undang percukaian. Menerusi

pelaksanaan program seumpama ini, HASiL berharap risiko ketirisan hasil melalui pelarian cukai dapat dibendung sekali gus dapat menyumbang kepada kelestarian ekosistem percukaian negara.

HASiL turut menggunakan pendekatan *Behavioural Insights* melalui aktiviti *nudging* melalui e-mel noreply@hasil.gov.my atau nudge.unit@hasil.gov.my. E-mel berkenaan akan dihantar kepada pembayar cukai yang telah dibangkitkan taksiran anggaran kerana gagal kemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP melalui www.mytax.hasil.gov.my atau hadir ke pejabat HASiL yang terdekat dengan segera sebelum *Final Notice* dikeluarkan.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 05 April 2024



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia